



Jabatan Bantuan Guaman

PERUBAHAN PERINTAH NAFKAH



www.jbg.gov.my

[jabatanbantuanguaman](https://www.facebook.com/jabatanbantuanguaman)

Jabatan Bantuan Guaman Kelantan

No.Telefon: 09-7482548
No.Faks: 09-7472615

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Taiping

No.Telefon: 09-3553677
No.Faks: 09-3557494

Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

No.Telefon : 03-26942700
No.Faks: 03-26940040

Jabatan Bantuan Guaman Perak

No.Telefon : 05-2544027
/ 05-2552240
No.Faks: 05-2556007

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan W.P Labuan

No.Telefon: 087-412242
No.Faks: 087-411531

Jabatan Bantuan Guaman Selangor

No.Telefon : 03-55106192
/ 03-55106298
No.Faks: 03-26940040

Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang

No.Telefon: 04-2109100/
04-2109108
No.Faks: 04-2287966

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri

No.Telefon: 085-423606
No.Faks: 085-425204

Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan

No.Telefon : 06-7630457
No.Faks: 06-7610380

Jabatan Bantuan Guaman Kedah

No.Telefon: 04-7001553
No.Faks: 04-7327452

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibu

No.Telefon: 084-343978
No.Faks: 084-346978

Jabatan Bantuan Guaman Melaka

No.Telefon : 06-2345277
No.Faks : 06-2345280

Jabatan Bantuan Guaman Perlis

No.Telefon: 04-9767739
No.Faks: 04-9767790

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar

No.Telefon: 06-9522410
No.Faks: 06-9528153

Jabatan Bantuan Guaman Johor

No.Telefon: 07-2234960/
07-2237073
No.Faks: 07-2345280

Jabatan Bantuan Guaman Sabah

No.Telefon: 088-488434
No.Faks: 088-488096

Jabatan Bantuan Guaman Pahang

No.Telefon: 09-5161135/
09-5162639
No.Faks: 09-3557494

Jabatan Bantuan Guaman Sarawak

No.Telefon: 082-258
No.Faks: 088-488096

Jabatan Bantuan Guaman Terengganu

No.Telefon: 09-6203240
/41/42/43
No.Faks: 09-6203250

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Gua Musang

No.Telefon: 09-9123688
No.Faks: 09-9126988

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Langkawi

No.Telefon: 04-9698180/
04-9698183
No.Faks: 04-9698181

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Raub

No.Telefon: 09-3553677
No.Faks: 09-3557494

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

IBU PEJABAT:
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1,
BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
PRESINT 3,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA

NO. TELEFON:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/ 1830/ 1831
PORTAL: www.jbg.gov.my

CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK
PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT
UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

(01)

Apakah yang dimaksudkan dengan perubahan perintah nafkah?

Perubahan perintah nafkah ialah suatu permohonan yang dibuat kepada Mahkamah untuk mengubah terma-terma perintah nafkah yang telah dikeluarkan terdahulu disebabkan oleh hal keadaan yang berubah (perubahan makan) sama ada untuk menambah atau mengurangkan jumlah ataupun mengubah cara pembayaran nafkah tersebut.

(02)

Mengapakah perintah nafkah perlu diubah?

Perintah nafkah boleh diubah kerana :

- (a) Hal keadaan dan keperluan orang yang mendapat nafkah itu telah berubah;
- (b) Hal keadaan dan keperluan orang yang membayar nafkah itu telah berubah;
- (c) Peningkatan umur dan perbelanjaan anak anak;
- (d) Kos perbelanjaan sara hidup telah berubah;
- (e) Keperluan semasa yang mendesak; dan
- (f) Keperluan lain yang munasabah.



(03)

Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan untuk permohonan perubahan perintah nafkah di Mahkamah Syariah?

Maklumat penting yang diperlukan adalah seperti yang berikut:

- (a) Perintah nafkah;
- (b) Pendapatan bulanan suami atau bapa;
- (c) Harta-harta yang dimiliki oleh suami atau bapa;
- (d) Tanggungan-tanggungan dan hutang piutang suami atau bapa;
- (e) Status pekerjaan suami atau bapa; dan
- (f) Bukti-bukti keperluan isteri dan anak anak.

(04)

Apakah perkara lain yang diperlukan sebagai maklumat tambahan?

Perkara lain yang diperlukan sebagai maklumat tambahan ialah:

- (a) menyediakan senarai lengkap perbelanjaan harian isteri atau anak-anak; dan
- (b) Mendapatkan penyata pendapatan bulanan Defendan (suami/bekas suami), jika ada.



(05)

Di manakah permohonan perubahan perintah nafkah boleh difailkan?

Permohonan perubahan perintah boleh dibuat di Mahkamah Syariah yang mengeluarkan perintah asal atau mana-mana Mahkamah Syariah dalam negeri di mana perintah asal dikeluarkan.

(06)

Siapakah yang boleh memohon permohonan perubahan perintah nafkah?

Permohonan untuk perubahan perintah nafkah boleh dibuat sama ada oleh isteri/ anak atau Defendan (suami/bapa).

(07)

Apakah perkara lain yang perlu diambil perhatian sebelum permohonan perubahan perintah nafkah difailkan?

Perkara yang perlu diambil perhatian sebelum pihak Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dapat memberi khidmat bantuan guaman ialah:

- (a) Memastikan bahawa pemohon telah memperoleh suatu perintah nafkah daripada Mahkamah Syariah;
- (b) Memastikan maklumat lengkap mengenai alamat terkini Defendan sama ada isteri ataupun suami (mengikut mana-mana yang berkenaan) diperolehi; dan
- (c) Memastikan butir-butir terkini mengenai diri sendiri (isteri) atau anak-anak disediakan.

(08)

Bolehkah JBG memberi bantuan kepada pihak-pihak dalam kes permohonan perubahan perintah nafkah?

Boleh. Pemohon yang ingin mendapatkan khidmat JBG perlu mengemukakan dokumen atau maklumat yang berikut:

- (a) Perintah nafkah yang berkaitan
- (b) Butir-butir perkahwinan
 - Surat Perakuan Nikah/Surat Perakuan Rujuk
 - Surat Perakuan Cerai
- (c) Butir-butir pihak kena tuntutan
 - Nama, alamat dan pekerjaan
 - Nama dan alamat majikan
- (d) Dokumen sokongan berkaitan (jika ada)
 - Penyata gaji atau pendapatan pihak kena tuntutan
 - Dokumen lain yang berkaitan